

Hari 18 | Aleppo

Bandar kedua terbesar di Siria



Aleppo adalah bandar kedua terbesar di Siria dan, dengan ibu negaranya, Damascus, merupakan salah sebuah bandar yang tertua di dunia dan didiami secara berterusan. Dengan populasi masing-masing sekitar 4 juta dan 6 juta, lebih kurang separuh daripada populasi negara ini tinggal di kedua bandar ini.

Aleppo mendapat namanya (Halab di dalam bahasa Arab) dari perkataan untuk susu. Lagenda mengatakan bahawa Abraham dan kawanannya berkhemah dekat dengan kota itu pada waktu yang sangat susah dan

dia telah memberi makan kepada penduduk kota itu dengan susu berkelimpahan yang diberikan oleh Tuhan melalui binatang ternakannya. Pada hari ini, orang-orang Muslim di Aleppo masih berada di dalam keadaan yang memerlukan susu rohani yang tulen dan pembekalan Tuhan yang luarbiasa melalui hambahambanya.

Orang-orang Muslim di Aleppo: Kebanyakan penduduk Aleppo adalah orang-orang Muslim Sunnah dan mempunyai reputasi sebagai orang yang



konservatif dan alim. Kedua-dua ini merupakan suatu cabaran dan peluang; ramai orang yang berpuas hati dengan agama mereka tetapi sesetengah orang juga sungguh-sungguh mencari Tuhan. Sesetengah orang Muslim, terutama sekali yang muda dan berpendidikan mula terasa tidak puas hati dengan Islam tetapi lebih tertarik kepada materialisma, sekularisma bahkan antheisme sebagai alternatif-alternatif yang diketahui oleh mereka. Hanya sedikit orang Muslim di kota itu yang pernah mendengar penyampaian Berita Baik dengan jelas.

Orang-orang tempatan yang percaya: Dekat dengan kumpulan orang Muslim itu, terdapat satu populasi orang Kristian di Timur Tengah. Kepelbagaian cara dari Ortodoks, Katolik dan Protestant mempunyaia wakil di kalangan orang-orang Kristian yang sedikit ini di Aleppo. Walaupun orang-orang Kristian dan orang-orang Muslim hidup secara damai, ia adalah suatu kedamaian yang hanya wujud kerana mereka mengelakkan topik agama. Puji Tuhan kerana sesetengah orang percaya menjelaskan

iman mereka secara aktif kepada sesiapa sahaja yang rela mendengar, termasuklah orang-orang Muslim. Malangnya, orang-orang Muslim di Aleppo telah diabaikan dari penyampaian Berita baik ini selama beberapa abad.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah untuk kedamaian dan kestabilan di antara orang-orang Muslim yang konservatif dan*



orang-orang Muslim yang kurang beragama.

- *Berdoalah agar orang-orang Muslim yang terasa tidak berpuas hati dengan agama Islam agar mereka tertarik kepada Mesias, Raja di atas seluruh bumi.*
- *Berdoalah untuk orang-orang Siria yang percaya; berdoa untuk kasih, kesatuan dan keghairahan/kerinduan untuk menjelaskan iman mereka di dalam Yesus kepada semua orang.*

- *Berdoalah untuk sekurang-kurangnya satu di antara keluarga orang Muslim di Aleppo mengikuti Yesus dan mengongsikan Berita Baik kepada saudara-saudara, sahabat-sahabat serta jiran-jiran mereka yang beragama Islam.*

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

